

Negara sasar tingkatkan sistem kuasa pada 2020

.....
JUMIET NYIREK

KOTA SAMARAHAN, Isnin — Malaysia mensasarkan untuk meningkatkan sistem kuasa boleh diperbaharui daripada 500 megawatt pada tahun ini kepada 2,000 megawatt pada tahun 2020.

Menteri Muda Alam Sekitar, Datu Len Talip Salleh berkata sistem kuasa itu akan ditingkatkan dua kali ganda menjelang tahun 2030 supaya pelepasan karbon akan dapat dikurangkan sebanyak 20 peratus.

Ini bermakna bahawa sebanyak 42 juta dan 145 juta tan karbon dioksida akan dielakkan daripada sektor penjanaan kuasa pada tahun 2020 dan 2030, katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian persidangan Tenaga dan Teknologi Hybrid

Sedunia Wilayah Asia Pasifik di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di sini pagi tadi.

Menurut beliau adalah diharapkan sekurang-kurangnya RM2.1 bilion penjimatan kos luaran yang akan dijana untuk mengurangkan pelepasan karbon dioksida tersebut.

Beliau berkata, sekurang-kurangnya RM70 bilion hasil perniagaan bakal dijana daripada operasi loji kuasa tenaga boleh diperbaharui dan ini akan menjana pendapatan cukai kira-kira RM1.75 bilion kepada kerajaan.

Beliau menambah sekurang-kurangnya RM19 bilion pinjaman dijangka dilakukan untuk projek projek tenaga diperbaharui dan ia bakal memberi sumber pendapatan baru kepada pihak bank.

Len Taliff juga berkata penjaminan dan penyimpanan tenaga, penjimatan air dan pemantauan

pembetung adalah teknologi yang penting serta perlu diambil serius dalam usaha membersihkan alam sekitar di samping meningkatkan gaya hidup yang sihat.

Beliau berkata, peningkatan dalam jumlah penduduk negara ini menuntut pertambahan dalam permintaan tenaga dan air serta boleh mengakibatkan berlakunya pembaziran sekiranya tidak ditadbir dengan sempurna.

Oleh itu, katanya ia adalah tanggungjawab bersama untuk mencari jalan penyelesaian dan jawapan bagi kaedah guna semula dan mengurangkan sisa buangan supaya dapat membangunkan satu sistem yang mampu memberi manfaat kepada semua.

Justeru, beliau berharap persidangan itu akan memberi peluang dan dijadikan sebagai platform untuk para penyelidik serta

golongan bijak pintar mencari jalan untuk membangunkan satu kaedah tenaga yang diperbaharui supaya dimanfaatkan oleh semua pihak.

Sebanyak 40 kertas kerja berkaitan tenaga dan hybrid akan dibentangkan serta dihadiri lebih kurang 100 orang pendidik kejuruteraan di negeri ini.

Seminar ini adalah yang pertama kali diadakan di Malaysia dan memfokuskan kepada pendidikan perindustrian serta membincangkan beberapa tajuk bagi membolehkan penduduk di kawasan pedalaman akan mendapat akses kepada tenaga elektrik boleh diperbaharui.

Hadir sama Dekan Fakulti Kejuruteraan Unimas, Profesor Dr Wan Hashim Wan Ibrahim dan Presiden Persatuan Teknologi Hybrid dan Solar Asia Pasifik (APSSAHT) Profesor Dr Nader Barsoum.



SIMBOLIK PERASMIAN ... Menteri Muda Alam Sekitar Datu Haji Len Talip Salleh (tengah) merasmikan persidangan Tenaga dan Teknologi Hybrid Sedunia Wilayah Asia Pasifik di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) sambil disaksikan oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan Unimas, Profesor Dr Wan Hashim Wan Ibrahim (kiri) dan Presiden APSSAHT Profesor Dr Nader Barsoum (kanan) di Kota Samarahan, semalam.